

# PANDUAN UMUM PERMOHONAN LESEN JENIS A TAMBAHAN

## 1.0 PENGENALAN

Masyarakat secara umumnya boleh mendapatkan perkhidmatan profesional ahli farmasi secara langsung dengan mengunjungi dan berjumpa ahli farmasi di farmasi komuniti. Oleh yang demikian, kehadiran ahli farmasi berlesen di farmasi komuniti adalah amat penting bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang selayaknya daripada seorang ahli farmasi berlesen pada bila-bila masa diperlukan.

Lesen Jenis A dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 kepada ahli farmasi berdaftar bagi mengimport, menyimpan dan berurusan secara borong dan runcit, borong sahaja atau runcit sahaja semua jenis racun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.

Setiap tahun sebahagian besar Lesen Jenis A runcit dikeluarkan kepada ahli farmasi di farmasi komuniti. Pembekalan racun mestilah dilakukan oleh ahli farmasi berlesen yang dilantik di farmasi komuniti ini.

Menyedari akan keperluan ini, satu dasar baru telah ditetapkan iaitu **membenarkan seorang ahli farmasi untuk memegang lebih daripada satu Lesen Jenis A.**

Dengan pelaksanaan dasar baru ini dijangkakan lebih ramai ahli farmasi berlesen dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Selain itu perubahan ini juga memberi fleksibiliti kepada ahli farmasi berlesen untuk menjalankan tugas kerana tidak terikat kepada satu premis sahaja dan seterusnya dapat meningkatkan kepatuhan kepada undang-undang yang dikuatkuasakan.

## 2.0 PROSES PERMOHONAN

Borang boleh dimuat turun dari laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) >Dokumen & Media> Borang. Pemegang lesen sediaada (residen) yang membuat permohonan lesen Jenis A tambahan perlu membatalkan lesen sediaada dan memohon baru bagi lesen Jenis A residen **secara dalam talian ( sistem MyPharma-C )** dan lesen **Jenis A tambahan secara manual.** Lesen baru akan dikeluarkan dengan pegawai pelesenan mengenakan terma dan syarat baru yang berkaitan.

### 2.1 Syarat – syarat Pemohon

- 2.1.1 Mesti mempunyai satu lesen aktif sebagai ahli farmasi tetap yang direkodkan dalam sistem MyPharma-C
- 2.1.2 Pemohon mematuhi semua kelayakan bagi permohonan Lesen Jenis A Runcit
- 2.1.3 Ahli Farmasi mesti warganegara Malaysia
- 2.1.4 Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon Lesen Jenis A Runcit sahaja
- 2.1.5 Ahli farmasi yang bertugas di fasiliti swasta sahaja yang layak memohon
- 2.1.6 Bertugas di farmasi komuniti dalam negeri yang sama
- 2.1.7 Ahli farmasi yang memegang Lesen Jenis A Borong atau Borong dan Runcit tidak layak memohon
- 2.1.8 Tidak pernah dikenakan tindakan undang-undang dalam tempoh 3 tahun terakhir daripada tarikh permohonan termasuk sabitan di bawah kes-kes etika

- 2.1.9 Surat kebenaran daripada majikan syarikat asal sekiranya memohon lesen tambahan di syarikat berlainan
  - 2.1.10 Surat arahan bertugas di premis tambahan bagi syarikat yang sama
  - 2.1.11 Surat lantikan daripada syarikat baru
- 2.2 Syarat – syarat Syarikat/Perniagaan yang terlibat
- 2.2.1 Mempunyai satu ahli farmasi residen yang memegang Lesen Jenis A Borong dan Runcit atau Runcit sahaja.
  - 2.2.2 Melaksanakan Internal Compliance Plan (ICP). Rujuk Lampiran 1.
  - 2.2.3 Disahkan mematuhi ICP.
  - 2.2.4 Terletak dalam negeri yang sama
  - 2.2.5 Tidak pernah dikenakan tindakan undang-undang dalam tempoh 3 tahun terakhir daripada tarikh permohonan termasuk sabitan di bawah kes-kes etika
  - 2.2.6 Perlu menyediakan satu sistem kehadiran biometrik untuk merekod waktu bertugas ahli farmasi berlesen ATAU sebarang kaedah/ sistem lain dengan kelulusan pegawai pelesenan. Rekod mestilah boleh dicetak dan diperiksa oleh Pegawai Penguatkuasa Farmasi pada bila-bila masa.

### **3.0 PEMERIKSAAN PREMIS**

Pemeriksaan premis akan dijalankan apabila borang permohonan dan dokumen sokongan yang lengkap telah diterima.

### **4.0 LESEN**

- 4.1 Tempoh lesen adalah untuk satu tahun kalendar.
- 4.2 Terhadap kepada lima lesen bagi setiap ahli farmasi
- 4.3 Terhadap kepada aktiviti runcit sahaja.
- 4.4 Tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesenan

### **5.0 PEMBATALAN LESEN**

- 5.1 Jika ahli farmasi residen tunggal membatalkan lesen (tiada pengganti), maka lesen ahli farmasi yang memegang lebih daripada satu lesen akan dibatalkan.
- 5.2 Pemegang lesen residen yang ingin membatalkan lesen perlu menyerahkan juga lesen ahli farmasi lain (yang memegang lebih dari satu lesen) untuk tujuan pembatalan
- 5.3 Pembatalan perlu dihantar sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang dimohon untuk pembatalan

### **6.0 PENUTUP**

Adalah amat penting untuk memastikan semua keperluan telah dipenuhi sebelum mengemukakan sebarang permohonan lesen.

Hanya permohonan yang lengkap akan diproses. Permohonan lengkap bermaksud pengisian borang yang lengkap, menyertakan dokumen sokongan yang diperlukan, laporan pemeriksaan premis yang memuaskan dan telah memenuhi segala kelayakan yang diperlukan.